

16 OCT 2000

LOTUS-PENCAPAIAN (Bergambar)

LOTUS KEMBALI MENYERLAH DENGAN BANTUAN PROTON

Oleh: Ridzuan Zulkifli

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Group Lotus Plc dari Britain dulunya satu nama yang sebaris dengan gergasi industri kereta sport seperti Ferrari, Lamborghini, Porsche, Mercedes dan BMW.

Bagaimanapun, masalah kewangan dan kekurangan pelaburan selama dua dekad pernah mengancam syarikat ternama Britain itu sebelum diselamatkan oleh usahawan Melayu terkemuka, Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad (pada masa itu merupakan pengerusi kumpulan DRB-HICOM) pada Oktober 1996.

Proton yang pada masa itu merupakan salah satu sayap DRB-HICOM, kini menguasai 80 peratus ekuiti dalam Lotus setelah Yahaya meninggal dunia.

Pada 6 Oktober lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat kemudahan kejuruteraan dan kilang Lotus di Hethel dekat Norwich, kira-kira 190 km dari London, dan mengumumkan enjin prototaip S-ENG bagi Proton.

Langkah Proton membeli Lotus tentunya membuahkan hasil dengan enjin S-ENG itu. Dimajukan oleh 18 jurutera Proton yang bekerja di Hethel, S-ENG adalah hasil kerja rakyat Malaysia, menggunakan teknologi dan platform Lotus.

Enjin itu dijangka dikeluarkan secara besar-besaran pada 2002 dan akan dipasang dalam kereta Proton yang berkuasa 1.3 dan 1.6 liter.

Selain daripada kerja-kerja untuk Proton, Lotus turut mengeluarkan model-model kebanggaan terkininya seperti Lotus Exige dan Elise 340R

David Godber, Pengurus Jenama Lotus Cars, sebahagian dari Group Lotus berkata: "Exige, seperti yang anda tahu, adalah kereta penerima anugerah.

"Ia seronok untuk dipandu. Prestasinya adalah kebanggaan Lotus. Ia lebih baik. Ia satu lagi evolusi, tetapi lebih seronok, lebih mudah dipandu, mudah diguna, lebih berkuasa, dan itulah yang kami mahu berikan dalam produk ini."

Lotus ditubuhkan pada 1948 oleh Colin Chapman. Setelah beliau meninggal dunia, konglomerat Amerika, General Motors Corporation (GM), membelinya pada 1982.

Sebelas tahun kemudian, GM menjual Lotus kepada kumpulan automotif Itali, Bugatti, dan pada Oktober 1996 ia menjejaskan dunia automotif apabila diambil alih oleh Yahaya dan Proton.

Dengan Proton sebagai peneraju kejayaan Proton, Lotus kini kembali ke pasaran kereta sport dan dipecahkan kepada tiga bahagian utama -- Lotus Cars, Lotus Motorsport dan Lotus Engineering.

Suntikan awal sebanyak RM120 juta oleh Proton bersama-sama dengan jaminan dan kemudahan yang bernilai lebih RM600 juta telah mengubah kedudukan Lotus, dan ia kini mempunyai kemudahan kejuruteraan automotif bertaraf dunia di Hethel.

Dalam tempoh empat tahun, keputusan kewangan Lotus bertambah kukuh dengan pendapatan daripada 67 juta pound (RM375.2 juta) kepada 140 juta pound (RM784 juta), sementara keuntungan operasinya telah melonjak lebih dua kali ganda kepada 15 juta pound (RM84 juta).

Kakitangan Lotus juga telah meningkat daripada 1,100 kepada lebih 2,000.

Kini, Lotus sedang memperhalusi kereta sport terkininya -- M250 yang dipamerkan buat pertama kalinya sebagai kereta konsep di Pameran Motor Frankfurt 1999.

Kereta dengan kuasa enjin V6 3.0 liter itu boleh memecut dari 0 hingga 100 km sejam dalam tempoh kurang lima saat. Harganya adalah di sekitar

40,000 pound (RM 224,000).

Selain itu, di kemudahan Lotus inilah, Proton mengumumkan bahawa ia turut mengadakan projek Kereta Sport Malaysia dengan nama "Proton Ultimate", yang terus membawa Proton jauh lebih dalam ke arena industri automotif.

Kenderaan dua tempat duduk itu boleh memecut dari 0 hingga 100 km sejam dalam kurang lima saat. Jelas, Lotus akan membantu Proton dalam menjadikan projek ini satu realiti.

Dan mungkin Lotus bukan lagi milik Britain, tetapi dengan penguasaan Proton, ia menguntungkan Malaysia. -- BERNAMA

RBZ SHY JR OS